

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL

ANUAR BIN WAN AHMAD

[KUALA KANGSAR]

**TARIKH :** 10.06.2014 (SELASA)

**DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [ KUALA KANGSAR ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah perancangan dan status cadangan untuk mengadakan kedai-kedai "spare part", bengkel-bengkel kereta 1M bagi menolong orang yang berpendapatan rendah dan sederhana ke atas kos penyelenggaraan dan membaiki kenderaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan prihatin atas kehendak dan keperluan rakyat. Oleh itu, Kerajaan sentiasa mencari mekanisme dan pendekatan baru bagi memastikan rakyat mendapat manfaat ke atas setiap program yang dilaksanakan.

Pada masa kini, Kerajaan belum bercadang untuk mewujudkan jaringan pembekalan bagi barang keperluan lain seperti “*spare part*” atau mewujudkan bengkel-bengkel kereta 1M. Pelaksanaan cadangan jaringan pembekalan untuk pelbagai barang keperluan pengguna contohnya barang *spare part* atau alat ganti kenderaan dan bengkel-bengkel kereta 1M, sekiranya akan direalisasi memerlukan kajian yang mendalam dan konsultasi dengan pelbagai pihak bagi memastikan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan memenuhi 3 prinsip iaitu produk dan perkhidmatan adalah berkualiti, harga rendah dan rakyat mendapat manfaatnya.